



Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : JPNS/SPS/PPN/A25090/06/26/Jld27(54)

Tarikh : 03 Mei 2006

Read Network
80-1A Jalan 3
Batu Caves, Centre Point
68100 Batu Caves

Tuan,

**MEMOHON PEMBAHARUAN KEBENARAN BAGI MEMPERKENALKAN KAEDAH DAN TEKNIK
PENGUNAAN ALAT SERBAGUNA MAGIC BLOCK DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SELANGOR.**

Dengan hormatnya Jabatan ini merujuk perkara di atas;

2. Sukacita dimaklumkan kepada tuan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1988, Larangan Menjalankan Jualan Terus Di Sekolah-Sekolah bertarikh 29 Jun 1988, Bahagian ini menasihatkan pihak tuan agar mempromosikan produk tuan di pasaran terbuka dan sekiranya terdapat sekolah berminat dengan produk tuan, maka pihak tuan perlu mematuhi garis panduan dan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Pihak tuan perlu mendapat kebenaran dan kerjasama daripada Pengetua / Guru Besar. Mereka berhak menerima atau menolak aktiviti tuan.
- 2.2 Hari pertama sekolah tidak digalakkan pihak luar mengadakan aktiviti di sekitar sekolah bagi tujuan urusan memudahkan pentadbiran sekolah.
- 2.3 Pihak tuan tidak boleh membuat jualan terus dagangan kepada pelajar-pelajar dan guru-guru dalam waktu persekolahan
- 2.4 Pihak tuan tidak boleh mengadakan pameran, demonstrasi, dan seumpamanya di sekolah sebagai promosi dagangan atau barangan kepada pelajar dan guru-guru.
- 2.5 Pihak tuan tidak boleh melantik sekolah, guru-guru dan pelajar sebagai pengedar atau wakil penjual tanpa permintaan dari pengurusan koperasi sekolah atau jawatankuasa Persatuan Ibubapa dan Guru
- 2.6 Kelonggaran untuk mengadakan aktiviti ini sekiranya ada permohonan daripada pihak sekolah untuk mengadakan aktiviti tersebut dan ia hendaklah dijalankan pada satu-satu hari tertentu yang ditetapkan, misalnya ketika sekolah mengadakan Hari PIBG, Hari Kantin, Hari Guru, Hari Sukan dan seumpamanya atau hari bukan persekolahan yang tidak akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

2.7 Demonstrasi dan promosi hanya untuk mendapatkan perhatian dan pertimbangan pihak pentadbir sekolah, pengurusan koperasi sekolah atau Jawatan Persatuan Ibubapa Guru tanpa melibatkan pelajar-pelajar dan lain-lain guru. Segala aktiviti promosi yang dijalankan oleh pihak tuan hendaklah tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran.

2.8 Pihak tuan dan pihak sekolah perlu memastikan bahawa produk/servis yang ditawarkan adalah produk yang berkualiti serta bukan produk yang tidak menepati seperti yang dipromosikan.

2.9 Guru dan kakitangan sekolah tidak boleh dilibatkan dalam urusan promosi yang pihak tuan anjurkan.

2.10 Aktiviti tuan tidak mendatangkan implikasi kewangan dan pentadbiran kepada sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Selangor dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

3. Surat ini bukan merupakan kelulusan bagi mengadakan jualan langsung, promosi, demonstrasi atau pameran di sekolah kepada guru-guru dan pelajar serta kebenaran ini terbatal jika pihak tuan melanggar mana-mana syarat di atas.

4. Surat ini sah laku sehingga 30 Oktober 2006 sahaja.

Sekian, terima kasih.

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL KARIM BIN MINHAD)

Penolong Pendaftar Sekolah

Jabatan Pelajaran Selangor

b.p Ketua Pendaftar Sekolah dan Guru

Kementerian Pelajaran Malaysia

Sk.

1. Semua Pejabat Pelajaran Daerah
2. Fail Timbul.